

# KK Sharks julang Piala K. Rakbir

UB 11-11-2014 A16

KOTA KINABALU: KK Sharks menjuarai kategori Kelab pada Kejohanan Ragbi 10 Sebelah Persatuan Ragbi Kota Kinabalu (KKRA) 2014 di Padang Sukma, Likas pada Ahad.

Aksi cemerlang di perlawanan akhir menyaksikan pasukan itu menundukkan Sarborc A dengan keputusan 22-5, sekalipun bermula agak hambar, untuk menjulang Piala Datuk K. Rakbir Singh.

Untuk kategori Plate, pasukan Kolej CD dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) menewaskan Sabah Oscar Warriors B dengan kiraan 19-0 untuk muncul

selaku juara.

Pasukan Sabah Oscar Warriors A mengalahkan Sarborc B dengan 20-10 untuk menjuarai kategori Bowl, manakala Scorpions mengalahkan Monsters dengan 24-10 untuk menjuarai kategori Spoon.

Aksi persaingan kategori 14 tahun ke bawah menyaksikan tiga kedudukan teratas masing-masing disandang oleh pasukan Limauan A, Lok Yuk dan Limauan B.

Kategori 16 tahun ke bawah pula dijuarai oleh Sekolah Menengah Pangiran Omar selepas menewaskan La Salle dengan 26-0.

Untuk aksi kategori

wanita, penentuan juara yang ditentukan menerusi balingan syiling menyaksikan pasukan Women Head Hunters dan UMS Kolej CD berkesudahan dengan seri.

Presiden baru KKRA Datuk Seri K. Rakbir Singh selaku penaja kejohanan itu menyampaikan hadiah kepada pasukan-pasukan yang menang dengan disaksikan oleh pegawai Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) Razali Zinin, ketua penolong pengarah Jabatan Pelajaran Sabah; Roslan Hj Idris dan pengurus Kompleks Sukan Kota Kinabalu; Wilfried Young.



**RAKBIR** menyampaikan piala kejuaraan kepada pasukan KK Sharks selepas mengungguli Kejohanan Ragbi 10 Sebelah Persatuan Ragbi Kota Kinabalu (KKRA) 2014 di Padang Sukma, Likas pada Ahad.